

# Kerajaan negeri boleh tetapkan had harga rumah pembeli asing - KPKT

Astro Awani | 📅 Oktober 14, 2019 18:04 MYT



Menurut pembentangan Belanjawan 2020 itu, langkah itu dilaksanakan bagi mengurangkan lambakan kondominium dan pangsapuri yang tidak terjual. - Gambar hiasan/UNSPLASH

**GEORGE TOWN:** Kerajaan negeri boleh menentukan had harga rumah kepada pembeli asing, mengikut keperluan dan kesesuaian masing-masing.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Zuraida Kamaruddin berkata cadangan penurunan had harga rumah untuk pembeli asing kepada RM600,000, itu adalah garis panduan di peringkat nasional namun terserah kepada kerajaan negeri untuk menentukannya.

Ia berikutan nilai hartanah yang berbeza di setiap negeri menyebabkan had harga rumah kepada pembeli asing itu boleh diselaraskan mengikut garis panduan yang ditetapkan kerajaan negeri.

Menurutnya, kerajaan menetapkan had harga iaitu melebihi RM1 juta pada Mac 2014 sekiranya warga asing ingin memiliki hartanah di Malaysia.

"Tidak terpakai maknanya berdasarkan kepada negeri masing-masing. Itu adalah garis panduan, ia berdasarkan keperluan negeri masing-masing. (Belanjawan berdasarkan) statistik apakah *treshhold* terbaik negeri Pulau Pinang dan negeri lain-lain ada status harus diteliti untuk kesesuaian," kata beliau pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Pemerksaan PBT 2019 di Bayan Baru pada Isnin.

Beliau mengulas mengenai pengumuman kerajaan pada pembentangan Belanjawan 2020 yang menurunkan nilai ambang bagi kondominium dan pangsapuri di kawasan bandar daripada RM1 juta kepada RM600,000 untuk pemilikan asing.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Perancangan Bandar dan Desa Pulau Pinang Jagdeep Singh Deo berkata kerajaan Pulau Pinang sendiri mempunyai garis panduan